

**Mapim Sertai NGO Asean Jumpa Presiden Myanmar Bincang Isu Rohingya  
Bernama  
25 Julai, 2012**

BUTTERWORTH, 25 Julai (Bernama) -- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) akan menyertai beberapa badan bukan kerajaan (NGO) dari negara Asean berjumpa Presiden Myanmar Rabu depan, bagi membincangkan isu Rohingya.

Setiausaha Agung Mapim Mohd Azmi Abdul Hamid berkata antara agenda pertemuan itu ialah mendesak Presiden Thein Sein membenarkan misi kemanusiaan masuk ke Myanmar untuk membantu pelarian Rohingya.

"Kami juga akan berjumpa pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan Aung San Suu Kyi bagi membincangkan isu sama," katanya kepada pemberita di sini, Rabu.

Beliau sebelum itu menerima bantuan makanan untuk pelarian Rohingya yang disampaikan Anggota Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya Datuk Arif Shah Omar Shah.

Mengulas lanjut, Mohd Azmi berkata Mapim merancang menghantar bantuan makanan kepada pelarian Rohingya pada 4 Ogos ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683090>



